

ALBUM Jahar Abit, Hajah Dayang @ Saidah, Tuan Ameran Tuan Yaacob, Haji Jahar Mulok dan Nizam Kastor bersama pegawai dan staf Petronas Dagangan Berhad serta ahli Harley Davidson.

Petronas Dagangan Berhad anjur Streetsmart di SK Bebuloh

LABUAN: Petronas Dagangan Berhad (PDB) menganjurkan program Streetsmart dalam usaha memupuk kesedaran keselamatan jalan raya dikalangan murid di Sekolah Kebangsaan Bebuloh (SKB) pada Selasa lalu.

Seramai 120 orang murid SK Bebuloh terbabit dalam aktiviti tersebut yang menjurus kepada interaktif dan eksperimen berasaskan sains keselamatan jalan raya.

Disamping itu mereka juga berpeluang menyertai pertandingan 'Lego Car Rush'.

Antara objektif program Streetsmart ialah memberi penekanan kepada konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran yang kreatif dan kritis, memupuk dan mendidik murid secara proaktif tentang kepentingan menjaga keselamatan di jalan raya.

Ketua Wilayah Sabah & Labuan Petronas Dagangan Berhad, Tuan Ameran Tuan Yaacob, berkata program dengan kerjasama Petrosains itu bagi mendidik golongan muda mengenai keselamatan, kesihatan dan alam sekitar menerusi pendekatan yang menyeronokkan.

Tambahnya lagi, aktiviti lain mereka ialah membantu masyarakat Kampung Bebuloh melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menghulurkan bantuan mem-

yang rendah.

"Dengan bantuan tersebut diharap dapat meringankan bebanan yang ditanggung oleh penduduk Kampung Bebuloh," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutupan Program PETRONAS Streetsmart yang diadakan di Dewan Terbuka Crystal, SK Bebuloh.


Turut hadir Pegawai Angkat SKB, Haji Jahar Mulok selaku wakil rasmi Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Raisin Saidin.

Majlis bertambah meriah dengan kehadiran lebih 70 ahli kumpulan Harley Owners Group, yang telah memberi peluang kepada murid-murid SK Bebuloh untuk merasai sendiri keseronokan membonceng motorsikal berkuasa tinggi.

Pihak sekolah juga telah menerima sumbangan daripada 'Head Road Captain' mereka iaitu Nizam Kastor.

Guru Besar SK Bebuloh, Hajah Dayang Damit@Saidah Haji Md. Yassin memuji usaha Petronas dengan menjadi warga korporat yang menitikberatkan soal keselamatan jalan raya, terutama dalam kalangan masyarakat dan murid sekolah.

Pada majlis itu, Tuan Ameran Tuan Yaacob telah menyampaikan hadiah sumbangan Petronas dan Hotel Dorsett Grand kepada pemenang-pe-



ALBUM Jahar Abit, Hajah Dayang @ Saidah, Tuan Ameran Tuan Yaacob, Haji Jahar Mulok dan Nizam Kastor bersama pegawai dan staf Petronas Dagangan Berhad serta ahli Harley Davidson.

Petronas Dagangan Berhad anjur Streetsmart di SK Bebuloh

LABUAN: Petronas Dagangan Berhad (PDB) menganjurkan program Streetsmart dalam usaha memupuk kesedaran keselamatan jalan raya dikalangan murid di Sekolah Kebangsaan Bebuloh (SKB) pada Selasa lalu.

Seramai 120 orang murid SK Bebuloh terbabit dalam aktiviti tersebut yang menjurus kepada interaktif dan eksperimen berasaskan sains keselamatan jalan raya.

Disamping itu mereka juga berpeluang menyertai pertandingan 'Lego Car Rush'.

Antara objektif program Streetsmart ialah memberi penekanan kepada konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang berupaya melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran yang kreatif dan kritis, memupuk dan mendidik murid secara proaktif tentang kepentingan menjaga keselamatan di jalan raya.

Ketua Wilayah Sabah & Labuan Petronas Dagangan Berhad, Tuan Ameran Tuan Yaacob, berkata program dengan kerjasama Petrosains itu bagi mendidik golongan muda mengenai keselamatan, kesihatan dan alam sekitar menerusi pendekatan yang menyeronokkan.

Tambahnya lagi, aktiviti lain mereka ialah membantu masyarakat Kampung Bebuloh melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menghulurkan bantuan membekalkan tangki air kepada masyarakat Kampung Bebuloh yang menghadapi masalah tekanan air

yang rendah.

"Dengan bantuan tersebut diharap dapat meringankan bebanan yang ditanggung oleh penduduk Kampung Bebuloh," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutupan Program PETRONAS Streetsmart yang diadakan di Dewan Terbuka Crystal, SK. Bebuloh.

Turut hadir Pegawai Angkat SKB, Haji Jahar Mulok selaku wakil rasmi Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Raisin Saidin.

Majlis bertambah meriah dengan kehadiran lebih 70 ahli kumpulan Harley Owners Group, yang telah memberi peluang kepada murid-murid SK. Bebuloh untuk merasai sendiri keseronokan memboncong motorsikal berkuasa tinggi.

Pihak sekolah juga telah menerima sumbangan daripada 'Head Road Captain' mereka iaitu Nizam Kastor.

Guru Besar SK. Bebuloh, Hajah Dayang Damit@Saidah Haji Md. Yassin memuji usaha Petronas dengan menjadi warga korporat yang menitikberatkan soal keselamatan jalan raya, terutama dalam kalangan masyarakat dan murid sekolah.

Pada majlis itu, Tuan Ameran Tuan Yaacob telah menyampaikan hadiah sumbangan Petronas dan Hotel Dorsett Grand kepada pemenang-pemenang pertandingan yang telah dijalankan.

-OLEH JAINUDIN DJIMIN